

JUMAAT, 8 OGOS, 1980

Mengawasi taraf sekolah swasta

SUMBANGAN sekolah-sekolah swasta kepada pendidikan negara ini tidak lagi dapat dinafikan. Kepentingannya pula ternyata semakin bertambah dari tahun ke tahun. Datuk Sri Dr. Mahathir sendiri pernah mengakui hakikat ini ketika beliau menjadi Menteri Pelajaran dalam tahun 1975 dulu. Sekolah-sekolah swasta, seperti kata beliau, membantu mengisi jurang yang wujud dalam sistem pelajaran negara ini. Melaluinya ramai pelajar yang tercicir dari sekolah-sekolah Kerajaan dapat menyambung pelajaran semula dan membaiki pencapaian akademik mereka. Sebahagian dari pelajar-pelajar cicir itu sebenarnya terdiri dari mereka yang lembam. Kerana sistem pendidikan kita begitu rupa, sesiapa saja yang tidak memenuhi syarat kelulusan di peringkat Sijil Rendah Pelajaran dan kemudian Sijil Pelajaran Malaysia terpaksa digugurkan. Pelajar lembam ini mungkin boleh mengejar semula tempoh ketinggalannya jika diberi peluang setahun dua lagi. Malangnya sistem pendidikan sekarang tidak dapat menunggu dan menampung mereka. Kerana itu sekolah-sekolah swastalah yang boleh memainkan peranan penting.

Selain itu sekolah-sekolah swasta juga membuka peluang kepada orang dewasa meneruskan pelajaran serta membaiki pencapaian akademik mereka untuk memajukan lagi diri dalam bidang pekerjaan masing-masing. Ia juga menjadi penyokong yang amat berguna bagi usaha untuk memperbanyak tenaga mahir dan spara profesional di negara ini.

Semakin besar keperluan kepada menambah ilmu dan meninggikan kelulusan akademik, maka semakin hebat pulalah permintaan terhadap sekolah-sekolah swasta. Ini disambut baik oleh pihak swasta seperti yang jelas dari pertumbuhan pesat sekolah-sekolah demikian di seluruh negara, dengan berbagai saiz dan matapelajaran yang ditawarkan. Tetapi dalam pertumbuhan yang begitu pesat itu terdapat sebilangan sekolah swasta ini yang didirikan semata-mata untuk mencari keuntungan. Walaupun elemen keuntungan itu suatu yang tidak dapat ditolak oleh mana-mana pihak swasta pun, perbuatan mengeksploitasi pelajar-pelajar oleh setengah-setengah sekolah swasta yang tidak bertanggungjawab itu ternyata menjejaskan nama baik sekolah-sekolah yang jujur. Kerana itulah kini timbul desakan yang kuat dari setengah sekolah swasta sendiri supaya sebuah badan atau majlis yang mengawasi perjalanan dan mutu pelajaran sekolah-sekolah swasta segera ditubuhkan. Memandang peranan sekolah swasta yang diakui itu, adalah wajar Kerajaan memberi perhatian dan mengambil inisiatif ke arah pewujudan badan yang berguna ini.